


YANG PERTAMA

4 OKTOBER 1957:

Penerokaan angkasa bermula apabila Soviet Union melancarkan Sputnik 1 atau satellite-1. Satelit berkenaan bergerak dengan kelajuan 29,000 kilometer sejam.



3 NOVEMBER 1957:

Laika menjadi haiwan penumpang pertama kapal angkasa Sputnik 2 yang dibawa memasuki orbit. Anjing ini pilih selepas menjalani latihan dengan dua ekor anjing lain. Bagaimanapun anjing ini mati beberapa jam selepas Sputnik 2 dilancarkan. Kematianya mungkin disebabkan tekanan dan terlampau panas.

anjing ini mati beberapa jam selepas Sputnik 2 dilancarkan. Kematianya mungkin disebabkan tekanan dan terlampau panas.



12 APRIL 1961:

Yuri Gagarin dari Soviet Rusia menjadi angkasawan pertama menjelajah ke angkasa bersama pesawat Vostok 1.



JUN 1963: Valentina Tereshkova, dari Soviet Rusia menjadi angkasawan wanita pertama mengikuti pesawat Vostok 6.

MEI 1961: Alan Shepard menjadi angkasawan Amerika Syarikat yang pertama menjelajah angkasa dengan mengikuti roket suborbit.



16 JULAI 1969:



KERJA-KERJA menyiapkan roket Soyuz di Baikonur Cosmodrome yang akan membawa angkasawan Malaysia.

m.m'sia m/s 24 7/10/07

Sejarah Malaysia di Baikonur



Neil Armstrong dan Edwin Aldrin dari Amerika Syarikat berjaya menjejakkan kaki di permukaan bulan menerusi misi Apollo II.



23 JULAI 1980: Pham Tuan, rakyat Vietnam menjadi angkasawan pertama dari rantau Asia apabila mengikuti ekspedisi ke angkasa bersama pesawat Soyuz 37 dari Soviet Rusia.



28 APRIL 2001: Dennis Tito warga AS menjadi pelancong pertama berada di angkasa selama tujuh hari 22 jam empat minit.

15 OKTOBER 2003: Yang Liwei menjadi angkasawan rakyat China pertama menjelajah angkasa bersama pesawat Shenzhou 5, pesawat kendalian manusia pertama buatan China yang menjelajah angkasa.



10 OKTOBER 2007: SIAPA menjadi angkasawan pertama Malaysia?



DR. SHEIKH MUSZAPHAR SHUKOR



KAPTEN DR. FAIZ KHALEED

OLEH HASSAN MOHD NOOR

BAIKONUR Cosmodrome, Kazakhstan sekali lagi bakal mencatat sejarah bagi negara. Buat kali pertama, negara akan menghantar angkasawan negara ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) yang terletak kira-kira 333 kilometer dari muka bumi pada Rabu, 10 Oktober ini. Siapa antara Dr. Sheikh Muszaphar Shukor, 35, dan Kapten Dr. Faiz Khaleed, 27, - tidak penting - kerana yang utama misi negara untuk menghantar angkasawan negara bakal menjadi kenyataan.

Dua anak muda ini kini berada di Baikonur Cosmodrome, dalam keadaan bersiap sedia untuk memenuhi impian negara.

Baikonur terletak kira-kira 2,100 kilometer di tenggara Moscow, merupakan salah satu kompleks pelancaran kapal angkasa utama di dunia. Di sinilah bermulanya misi ke angkasa apabila kapal angkasa Sputnik dilancarkan oleh Rusia pada 4 Oktober 1957. Kejayaan Sputnik memasuki ruang orbit itu mengejutkan dunia terutama Amerika Syarikat (AS) dan dari situlah bermulanya 'perang' ke angkasa lepas. Di Baikonur juga pada 12 April 1961, Yuri Gagarin mencatat sejarah sebagai manusia pertama yang menjelajah angkasa lepas.

Bagi Malaysia pula, Baikonur sebelum ini juga mempunyai sejarah bagi negara ini dan terbaru akan membawa misi negara meneroka lebih jauh dalam bidang angkasa. Kali pertama sejarah tercatat di Baikonur apabila TiungSAT-1, satelit pendirian jauh dilancarkan pada 26 September 2000 menggunakan pelancar Rusia Dnepr. Pada 12 Disember 2006 pula, MEASAT-3 atau Satelit Asia Timur Malaysia Ketiga dilancarkan di tempat yang sama menggunakan pelancar Proton Breeze-M.

Dan Rabu ini di tempat yang sama, kapal angkasa Soyuz 15-S akan membawa misi Malaysia yang lebih mencabar iaitu mem-

bawa angkasawan Malaysia yang pertama ke ISS.

Baikonur Cosmodrome dibuka pada tahun 1955 dan walaupun berada dalam wilayah Kazakhstan tetapi ia ditadbir oleh Rusia sehingga tahun 2050. Pertama kali penulis menjejakkan kaki di bumi Baikonur pada Disember 2006 (sempena pelancaran MEASAT-3), tentunya timbul pertanyaan apakah yang ada di Baikonur Cosmodrome itu. Sebaik pesawat tiba di Lapangan Terbang Yubileiny, rombongan penulis dibawa terus masuk ke dalam sebuah bas dan meneruskan perjalanan ke Baikonur Cosmodrome. Tidak ada apa yang menarik sepanjang perjalanan selain yang kering kontang. Apa yang kelihatan hanyalah binaan-binaan bagaikan besi buruk dan landasan kereta api yang panjang. Memang membosankan. Namun sebaik

tiba di kawasan tapak pelancaran roket, maka barulah disedari bahawa tanah gersang itu mempunyai kemudahan untuk membawa manusia ke angkasa lepas.

Pusat pelancaran kapal angkasa Baikonur Cosmodrome itu umpama pintu gerbang ke angkasa sama ada bagi misi komersial atau penyelidikan.

Melawat


Rombongan penulis juga berpeluang melawat bangunan yang menjadi tempat persediaan roket pelancar Proton-M. Keadaan di dalam bangunannya begitu bersih - ternyata kebersihan menjadi salah satu ciri yang penting.

Di Baikonur Cosmodrome, terdapat tapak atau kompleks pelancaran roket termasuk untuk Proton, Rokot, Soyuz, Energiya dan Zenit.

Kompleks ini dihubungkan dengan landasan kereta api bagi memudahkan pengangkutan bahagian-bahagian kapal angkasa atau roket dari lapangan terbang.



DARI KIRI, Proton-M yang membawa MEASAT-3 dan Dnepr membawa TiungSAT-1 sementara Soyuz dibawa melalui landasan sebelum menyertai satu ekspedisi pada tahun 2000.



KOMPLEKS pelancaran roket/ kapal angkasa Baikonur Cosmodrome.



Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS)



STESEN Angkasa Antarabangsa (ISS).

- Satu-satunya struktur yang boleh menempatkan manusia di angkasa lepas.
- Bermula dengan modul dari Rusia pada November 1998. Menerima penghuni tetapnya pada November 2000.
- Sebuah stesen kajian yang berlokas di orbit mengelilingi bumi pada altitud kira-kira 360km (220 batu), sejenis orbit yang biasa dikenali sebagai orbit rendah bumi (LEO).
- Projek bersama lima agensi angkasa: National Aeronautics and Space Administration (NASA, Amerika Syarikat), Agensi Angkasa Kebangsaan Russia (Roskosmos, Russia), Japan Aerospace Exploration Agency (JAXA, Jepun), Canadian Space Agency (CSA, Kanada) dan European Space Agency (ESA, Eropah), yang terdiri dari 11 negara.

anta:anya terdiri daripada 97 warga Amerika Syarikat (AS) termasuk empat sebagai pelancong, 24 orang dari Rusia, lima dari Kanada dan dua dari Perancis.

anta:anya terdiri daripada 97 warga Amerika Syarikat (AS) termasuk empat sebagai pelancong, 24 orang dari Rusia, lima dari Kanada dan dua dari Perancis.

Misi angkasawan kita bukan sebagai pelancong atau penumpang tetapi sebagai penyelidik yang membawa aspirasi rakyat dan misi negara.

Langkah awal angkasawan kita ini hanyalah satu permulaan kecil untuk melangkah lebih jauh pada masa hadapan. Siapa tahu selepas kejayaan ini, kita akan melahirkan angkasawan yang mampu memijakkan kaki ke bulan atau lebih mencahar lagi ke planet Marikh yang letaknya 78.3 juta kilometer dari bumi.

kasawan bakal menjadi kenyataan. Pada bulan Ramadan ini dan diikuti Syawal, kita mendoakan kejayaan angkasawan negara yang akan mengambil masa 48 jam untuk sampai ke ISS. Beliau serta rakan-rakan krew dari Rusia dan AS akan berada di sana selama sembilan hari sebelum kembali ke bumi bersama angkasawan-angkasawan lain yang telah pun berada di ISS.

Setakat ini kira-kira 450 orang telah dipilih menjadi angkasawan profesional dan sehingga 19 Ogos lalu, seramai 140 orang berjaya menjejaskan kaki ke ISS yang

m. m'sia m/s 25
7/10/07

Di sini juga terdapat Muzium Yuri Gagarin, manusia pertama yang berjaya meneroka angkasa.

Beberapa bangunan juga kelihatan yang antaranya merupakan tempat tinggal para petugas di kawasan berkenaan. Tidak dapat dibayangkan betapa sunyinya penduduk di situ tanpa aktiviti ke angkasa.

Begitulah Baikonur serba sedikit sebelum dapat berada di Hotel Sputnik di bandar yang kedudukannya kira-kira 60 kilometer dari Baikonur Cosmodrome - satu lagi perjalanan yang jauh dan membosankan.

Apa pun seperti yang dihajati seluruh rakyat Malaysia - yang pada Jumaat lalu di masjid-masjid mengadakan solat hajat bagi mendoakan kejayaan angkasawan kita - matlamat negara untuk melahirkan ang-